



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 OCTOBER 2016

Orang ramai boleh berhubung terus guna telefon pintar

Aplikasi Najib Razak dilancar

UM - 13/10/2016

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 OKT.

RAKYAT Malaysia kini boleh berhubung secara langsung dengan Datuk Seri Najib Tun Razak menggunakan telefon pintar apabila Perdana Menteri melancarkan Aplikasi Najib Razak menerusi Google Play Store dan Apple App Store.

Menerusi aplikasi tersebut, orang ramai dapat menyaksikan secara langsung dan eksklusif setiap aktiviti serta program melibatkan Perdana Menteri, selain mengemukakan pandangan secara terus kepada beliau untuk dipertimbangkan kerajaan.

Bagi membolehkan Aplikasi Najib Razak itu dilayari, orang ramai hanya perlu memuat turun Google Play Store di pautan <http://bit.ly/2e6c5E9> (Anroid) manakala Apple AppStore di pautan <http://apple.co/2d5Tcvj> bagi penggunaan telefon pintar iPhone.

"Google Play Store: <http://bit.ly/2e6c5E9> dan Apple App Store: <http://apple.co/2d5Tcvj>. Saya telah melancarkan Aplikasi Najib Razak yang akan membawa kepada anda perkembangan terkini, semuanya dalam satu aplikasi.

"Aplikasi ini juga mempunyai ciri siaran langsung eksklusif bagi menyiarkan aktiviti-aktiviti serta program-program saya. Muat turun agar kita terus kekal berhubung," kata Perdana Menteri menerusi laman Facebooknya di sini hari ini.

Selain Aplikasi Najib Razak, Per-



APLIKASI Najib Razak yang boleh dimuat turun ke telefon pintar.

dana Menteri masih mengekalkan pelbagai platform komunikasi media sosial dengan rakyat, antaranya blog www.najibrazak.com; Twitter (*NajibRazak*); YouTube (*najibrazak*) dan Instagram (*najib_razak*).

Malah laman Facebooknya sahaja mempunyai seramai 3.065 juta pengikut membolehkan Perdana Menteri menggunakan medium tersebut untuk mendapat pelbagai maklum balas daripada rakyat termasuklah cadangan untuk dikemukakan dalam Bajet 2017.

	Waktu Solat				
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
5.41	6.57	1.01	4.16	7.02	8.11
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
5.47	7.04	1.06	4.23	7.06	8.15
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.35	6.51	12.54	4.10	6.55	8.04
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.32	6.48	12.53	4.06	6.54	8.03
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.05	6.22	12.26	15.40	6.28	7.37



Aplikasi ini juga mempunyai ciri siaran langsung eksklusif bagi menyiarkan aktiviti-aktiviti serta program-program saya. Muat turun agar kita terus kekal berhubung."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri